

19 NOV 1997

Vietnam-badminton

TERBUKA VIETNAM: MAHATHIR MUSTAFFA MENANG PUSINGAN AWAL

HANOI, 18 Nov (Bernama) -- Kejohanan Badminton Terbuka Vietnam '97 bermula hari ini dengan Mahathir Mustaffa mendapat kemenangan mudah pada perlawanan awalnya.

Mahathir, satu-satunya pemain perseorangan lelaki dalam pasukan Malaysia yang agak kecil, sedikit lembah pada awal perlawanan tetapi bangkit cergas untuk menundukkan pemain Thai yang tidak dikenali Sirachai Panpatchara 15 - 10, 5 - 4 di Stadium Tertutup Hanoi di sini.

Seorang lagi pemain perseorangan yang disenaraikan untuk Terbuka Vietnam ini --- peringkat akhir sirkit badminton sebelum Kejohanan Grand Prix Dunia di Jakarta bulan depan -- ialah Jason Wong tetapi menarik diri kerana kecederaan.

Mahathir menemui pemain British yang agak berpengalaman Mark Constable lewat petang yang juga akan menyaksikan perlawanan regu campuran antara pasangan negara Tan Kim Her-Norashikin Amin dan Denmark Larsen Jesper-Ann Jorgensen.

Bagi regu negara Cheah Soon Kit dan Yap Kim Hock yang masih belum pulih sepenuhnya dari cedera kejohanan ini adalah perlawanan antarabangsa mereka yang kedua sejak Terbuka Thai.

Sebelum itu (Terbuka Thai) Kim Hock menjauhkan diri dari sinario Badminton sejak Mei kerana cedera. Kim Hock telah berkata bahawa beliau akan cuba sedaya upaya tetapi tidak boleh bermain dengan 100 peratus kerana sudah lama tidak bermain.

Pasangan yang dipilih itu yang sekarang disenaraikan di nombor 13 dunia, hanya akan bermain esok untuk bertemu dengan pemenang perlawanan antara Le Dai Thang-Tran Duc Sang dari Vietnam dan pasangan Singapura Patrick Lau-Zhao Jianhua.

Dengan hanya lima anggota termasuk pemain perseorangan wanita Woon Sze Mei, pasukan Malaysia ke kejohanan lima hari itu di ibu negara Vietnam ini adalah antara yang terkecil.

Pengurus Persatuan Badminton Malaysia (BAM) Mahizan Mustaffa berkata pasukan itu mempunyai semangat juang yang baik walaupun terpaksa mengalami perubahan pemakanan dan cuaca yang sejuk di Vietnam Utara.

"Mereka berjanji akan memberikan yang terbaik dan kita bolehlah harapkan begitu," katanya kepada Bernama.

Terbuka Vietnam mempamerkan regu-regu utama dunia seperti pasangan nombor dua dunia Lee Dong Soo-Yoo Yong Sung dari Korea Selatan, Indonesia yang menghantar pasukan yang terbesar seramai 31 orang termasuk pegawai-pegawai akan mengengahkan pasangan nombor empat dunia Ricky Subagja-Rexy Mainaky dan pemain perseorangan wanita Susi Susanti yang sekarang menduduki nombor tiga dunia.

Perdana Menteri Pha Van Kai merasmikan kejohanan itu yang menurut pihak penganjur disertai oleh 100 pemain dari 14 negara termasuk China, Sweden dan Kore Selatan. -- BERNAMA ghz WAT